



اوتورسیتی ملیسیا فوڤ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

UMPSA: 22 Tahun Melakar Kecemerlangan

Melakar kecemerlangan itu
Bukan jalan mudah tanpa bakti usaha
Bukan kata-kata tanpa tindak reaksi

Melakar kecemerlangan itu
Ada komitmen berterusan diberikan
Ada matlamat berfokus untuk ditepati

Melakar kecemerlangan itu
Perlu ada rentak alur ditelusuri teliti
Perlu ada anyaman strategi berinspirasi

Melakar kecemerlangan itu
Hendaklah terus melakar berinovasi
Hendaklah berdaya saing seiring arus

Melakar kecemerlangan itu
Mesti ada detik masa ditempuhi
Mesti keterlihatan pelbagai segi arah

Melakar kecemerlangan
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
16 Februari
warsa ini
dewasa kini
22 tahun
UMPSA terbang tinggi melakar kecemerlangan



Nukilan:
Jamilah Bebe Mohamad
14 Februari 2024
Pusat Bahasa Moden
Universiti Malaysia Pahang
Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

[Creative Work](#)

UMPSA : 22 Tahun Melakar Kecemerlangan

14 February 2024

TAGS / KEYWORDS

[22 Tahun Melakar Kecemerlangan](#)

[View PDF](#)